



GAYA HIDUP

26 JUN, 2021

Terbaiklah UniSZA! Lancar program jejak vaksin bagi santuni penduduk! Di pedalaman Terengganu

Share this



UNIVERSITI Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merancang mengadakan lebih banyak program *outreach* (*penyantunan*) yang menyasarkan kepada penduduk kampung di kawasan pedalaman di Terengganu dengan tujuan meningkatkan lagi pengambilan vaksin Covid-19 dalam kalangan mereka.

Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak ini atau dikenali dengan nama Program Jejak Vaksin UniSZA yang mendapat persetujuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mula beroperasi pada Sabtu 26 Jun 2021 di Sekolah Kebangsaan (SK) Kesom, Manir, Kuala Terengganu dengan menyasarkan kepada 600 penerima vaksin daripada kawasan berhampiran.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar turut hadir meninjau pelaksanaan program pertama yang dilaksanakan oleh UniSZA di kampung tersebut.

Naib Cancellor UniSZA, Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, pasukan petugas UniSZA akan menggunakan konsep *pop-up centre* dan menjalankan sekurang-kurangnya dua program seminggu dengan sasaran seramai 300 peserta bagi setiap program.

Katanya, sebanyak 50 program dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh enam bulan dan dijangkakan lebih 15,000 suntikan vaksin dapat diberikan kepada penduduk pedalaman.

Beliau berkata, menerusi program itu beberapa pihak seperti Pegawai Daerah Kuala Terengganu, Setiu dan Kuala Nerus telah menyatakan hasrat untuk berkolaborasi bagi menjayakan projek berkenaan.

"Sukarelawan pasukan ini terdiri daripada pakar-pakar perubatan, pensyarah kejururawatan, pensyarah farmasi, jururawat, ahli farmasi, pelajar perubatan, pelajar kejururawatan dan sukarelawan bukan perubatan daripada pensyarah-pensyarah UniSZA daripada Fakulti Informatik dan Komputeran dan staff sokongan," kata Dr Hassan.

Beliau berkata, pasukan tersebut berupaya memberikan suntikan vaksin di antara 300 hingga 600 orang sehari dan boleh dipertingkatkan berdasarkan kepada keperluan semasa.

Pelaksanaan PPV IPT UniSZA merupakan usaha sama UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pengajian Tinggi; JKNT; Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu; dan Kerajaan Negeri Terengganu.

"Ia akan diselenggarakan oleh CITF Daerah dengan kerjasama daripada pihak masyarakat setempat, agensi di bawah Pejabat Daerah dan Dewan Undangan Negeri," katanya.

Selain itu, program ini juga disokong oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan korporat seperti TDM Berhad, Hospital Pakar Kuala Terengganu, Dewan Perniagaan Cina Terengganu, Persatuan Khairunnisa' dan sebagainya.

Dr Hassan berkata, sehingga kini program tersebut telah menerima dana sebanyak RM100,000 daripada TDM, Dewan Perniagaan Cina Terengganu (RM50,000), Persatuan Khairunnisa' (RM10,000) dan Leccds Dynamic (RM3,000).

Pihak Dewan Perniagaan Cina Terengganu turut menyumbang dalam bentuk barangan seperti alat pakai buang, makanan dan air mineral. - **KitaReporters**